

Headline **Jatuh cinta pada kelawar**
Date **14 Sep 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S15,17**
Article Size **1537 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,454**
PRValue **25,361**



Citra

Selasa | 14 September 2010 | www.sinarharian.com.my/rencana



Jatuh cinta pada kelawar

Foto AZMI ARYANTO

Jangan bohong - apabila disebut kelawar apa yang difikirkan kebanyakan kita ialah makhluk hitam yang hodoh dan menakutkan. Filem cereka menambah momokan bahawa kelawar suka menghisap darah dan berkait rapat dengan dunia kegelapan.

Begini pun, Dr Serafina Christine tidak bersetuju dengan stigma ini dan berusaha membuktikannya tidak benar sama sekali.

Nyata, pertemuan yang diatur untuk berkenalan dengan mamalia kecil ini membenarkan kata-kata pujangga 'tak kenal maka tak cinta'. Hakikatnya kelawar amat comel dan mampu membuatkan sesiapa sahaja jatuh cinta padanya!

Headline **Jatuh cinta pada kelawar**
Date **14 Sep 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S15,17**
Article Size **1537 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,454**
PRValue **25,361**



SEPERTI diminta, penulis dan juru gambar tiba sebelum matahari meninggi. Permintaan sedemikian dibuat Dr Serafina Christine, 34, yang tidak mahu haiwan-haiwan kecil kesayangannya perlu menunggu lama sebelum kembali bebas.

"Sudah bersedia?" Christine bertanya sebelum memasukkan tangan ke dalam beg bunjur kain kapas yang sejak tadi tergantung di lehernya.

Dia kemudiannya mengeluarkan seekor kelawar berwarna kekuningan. Penuh hati-hati kelawar itu ditunjukkan lebih dekat kepada penulis dan nah, gambaran awal terhadap haiwan kecil ini nyata meleset!

Christine hanya tersenyum melihat respons diterima sambil mengakui, dia bukan sahaja sudah sering melihat reaksi yang sama malah pernah melaluinya juga. Manakan tidak, dia pernah bertanya kepada penyelianya 11 tahun lalu, "Apa perlu saya lakukan jika kelawar menggigit dan hisap darah saya?"

Headline	Jatuh cinta pada kelawar	Language	Malay
Date	14 Sep 2010	Page No	S15,17
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	1537 cm ²
Section	Selangor & KL	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	8,454
Frequency	Daily	PRValue	25,361
Circ / Read	60,000 /		

Sayap selembut kapas

Nyata bukan sekadar comel, kelawar sebenarnya bukan makhluk bengis penghisap darah seperti yang dipaparkan dalam filem dan novel seram.

Christine menunjukkan kami kaki kelawar yang fleksibel, sesuai dengan sifatnya yang gemar tergantung. Sebaik sayapnya direntang, kelihatan jari-jari halus mengikat sayap ini. Jika disentuh, sayap ini terasa cukup halus dan lembut bak kapas.

Di Malaysia, terdapat 126 spesies kelawar yang meliputi kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan spesies kelawar di dunia.

Terdapat dua jenis kelawar yang biasa didapati di negara ini iaitu kelawar hutan yang memakan serangga dan kelawar gua yang menjadikan buah-buahan sebagai makanan. Kelawar hutan biasanya berwarna kekuningan atau coklat dan gemar duduk di bawah daun, membuatkan kehadirannya kurang disedari. Manakala kelawar gua berwarna lebih gelap dan dikenali sebagai haiwan setia dan suka terbang berpasangan.

"Ramai tidak tahu, kelawar sebenarnya mamalia yang beranak dan menyusukan anak. Ia biasanya bersalin seekor sahaja setahun," terang Christine sambil melahirkan kebimbangan terhadap aktiviti perhutanan yang boleh mengancam habitat haiwan ini.

Tambahnya, kelawar biasanya akan mengajar anak terbang setelah berusia tiga bulan dan kadangkala, ibu kelawar dilihat mendakap anaknya ketika keluar mencari makanan. Hal ini merupakan satu lagi keunikan kelawar kerana ia satu-satunya mamalia yang mempunyai keupayaan untuk terbang seperti burung dan menggunakan lantunan gema untuk menerjah kegelapan malam.

Jasa kelawar

Mengimbau detik awal

penglibatannya dalam dunia pekerjaan melibatkan kelawar, Christine yang kini bertugas

sebagai pegawai penyelidik, Unit Ekologi Hutan FRIM menyatakan segala-galanya bermula daripada keingganannya untuk bekerja di pejabat mahupun makmal.

Oleh sebab itu dia mengambil bidang Zoologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Meskipun begitu, dia tidak pula menyangka akan menjadikan kelawar sebagai penghususan.

"Ketika projek akhir penuntut lain sudah memilih haiwan yang biasa dikaji seperti burung. Apa yang tinggal untuk saya hanyalah kelawar," imbau Christine sambil ketawa.

Bagi menyiapkan tugas, dia terpaksa berkampung di Gunung Nuang, Selangor selama tiga bulan. Penyelia sekadar memberikannya dua buah perangkap, sebuah buku dan ucapan selamat maju jaya.

Selebihnya terpaksa dipelajari Christine berdasarkan kajianya sendiri. Mujurlah, kehadirannya di sana ditemani seorang teman sekuliah yang membuat kajian tentang burung selain dua Orang Asli yang membantu apabila diperlukan.

Menggunakan kudrat wanita, Christine dan rakannya terpaksa berhempar pulas membawa makanan, tong gas dan khemah ke atas bukit. Tidak lupa, dua perangkap kelawarnya yang agak berat.

"Di sana saya bukan sahaja belajar tentang kelawar tetapi juga cara hidup di hutan. Bayangkan untuk mandi saya dan rakan terpaksa turun lebih 50 meter untuk ke sebuah air terjun kecil. Tidak tahan penat, kami akhirnya mandi apabila hujan turun sahaja dan berjimat dengan sebotol air mineral seorang untuk melaksanakan semua keperluan harian," cerita Christine.

Sedar tak sedar, kini sudah 10 tahun Christine 'bersama' kelawar. Dia bagaimanapun mengakui sangat bersyukur dan gembira membuat pilihan ini.

Baginya, persepsi negatif terhadap kelawar selama ini amat tidak adil, apakah lagi haiwan ini

memberikan sumbangan yang tersendiri kepada manusia, antaranya, menjadi agen penyebar biji benih.

"Kelawar yang menghisap darah tidak terdapat di negara ini dan hanya boleh ditemui di Selatan Amerika. Itu pun ia menghisap darah binatang ternakan dalam kuantiti yang sedikit sahaja."

"Kini kajian tentang air liur kelawar jenis ini sedang dijalankan. Kemungkinan besar, ia berguna dalam perubatan penyakit strok," kata Christine yang menerima sokongan tidak berbelah bahagi daripada suami, Shazlan Saphian, 35.

"Kalau hendak diikutkan, saya dan suami mempunyai jurang minat yang besar

"Tapi di sebalik persekitaran kerja yang cukup berbeza, iaitu ketenangan hutan dan hiruk-pikuk kota, kami akhirnya menemui titik persamaan apabila gemar duduk di rumah bagi mengisi masa senggang," akhiri Christine sambil menyulam senyum.



Sedar tak sedar, sudah 10 tahun Christine hidup 'bersama' kelawar.